

# KAJIAN KES APLIKASI NARATIF DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH

Zuraini Jusoh<sup>1</sup>, Fadzilah Abd Rahman<sup>1</sup>, Norazlina Mohd Kiram<sup>2</sup>,  
Samsilah Roslan<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

Emel: zurainijusoh@gmail.com, fadzilah@educ.upm.edu.my,  
noraz@putra.upm.edu.my, samsilah@putra.upm.edu.my

## ABSTRAK

*Kajian kes ini telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam mengenai pengaplikasian naratif atau cerita dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati naratif atau cerita ini banyak dikaji di luar negara dan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran pelbagai bidang namun, banyak melibatkan pendidikan peringkat sekolah rendah. Malah, di negara ini naratif atau cerita banyak dilaksanakan di peringkat pra sekolah dan sekolah rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan pandangan guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah berkaitan naratif atau cerita itu sendiri, juga untuk mengetahui sejauh mana ia dapat diaplikasikan di peringkat sekolah menengah. Temu bual jenis semi-struktur secara bersemuka telah dilakukan terhadap dua orang guru, iaitu seorang guru berpengalaman mengajar Bahasa Melayu selama 12 tahun dan seorang lagi berpengalaman selama lima tahun. Secara umumnya, guru-guru yang menjadi responden kajian mempunyai pandangan yang positif terhadap aplikasi bercerita atau naratif di peringkat sekolah menengah. Namun, mengakui bahawa ia perlu disesuaikan dengan aras kepandaian murid-murid serta hanya sesuai untuk mata pelajaran tertentu sahaja.*

**Kata Kunci:** *aplikasi naratif, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pandangan guru, murid sekolah menengah*

## 1.0 PENGENALAN

Cerita-cerita (narasi) yang didengari ataupun yang dituturkan dalam aktiviti seharian, iaitu baik dalam bentuk gosip, berita, fakta, analisis, dan sebagainya kerana semua itu dapat disebut sebagai 'cerita' (Reza

A.A. Wattimena, 2009). Berdasarkan pernyataan itu, perkataan cerita atau naratif dalam kertas kerja ini membaca maksud yang sama. Naratif atau cerita ini merupakan media yang boleh digunakan oleh guru-guru bagi mewujudkan interaksi sama ada dengan berkongsi pengalaman sendiri, pengalaman orang lain atau yang diketahui di persekitaran, diadaptasi daripada cerita-cerita dan sebagainya yang dapat dikaitkan dengan isi pelajaran.

Cerita atau naratif ini menjadi fokus kertas kerja ini kerana sifatnya yang dapat memberi kesan kedekatan dan kebersamaan (Dedi Firmansyah, 2007). Bercerita sentiasa menjadi bahagian yang penting dalam sesuatu budaya (Hawkey, 2007) malah, membolehkan pendengar memiliki kebebasan untuk mengambil makna yang terdapat dalamnya (Floribertus Supriya, 2010), mudah menggerakkan untuk bertindak dan mengembangkan proses imaginatif, mendorong ke arah tindakan moral, lebih bersifat menyapa hati serta makna yang diambil dari kisah-kisah amat kaya, bergantung bagaimana cerita tersebut dapat menjadi pemahaman dan dapat diinterpretasikan oleh pendengarnya (Purwonomeida, 2008). Selain itu, berkomunikasi melalui cerita juga kurang menuntut penggunaan bahasa secara linguistik tetapi lebih kepada menyebarkan pengetahuan dan ini dapat meningkatkan peluang guru-guru mendapatkan maklumat dari murid-murid (Duff, 2002).

Aplikasi naratif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat menarik minat dan perhatian (Ramli Yahya, 2009) kerana pada umumnya murid-murid lebih menyukai cerita (Ari Prabowa, 2008). Melaluinya, murid-murid dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari dalam komunikasi seharian. Malah Bimo (2009), berpendapat bahawa guru yang tidak boleh bercerita boleh diibaratkan seperti orang yang hidup tanpa kepala. Oleh itu, selain disukai murid, bercerita juga tidak membebankan guru untuk menggunakannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran seharian.

Kepentingan naratif ini juga tidak dinafikan sebagai salah satu teknik yang telah lama wujud sama ada berfungsi untuk menunjukkan identiti budaya sesuatu bangsa dan sebagai alat komunikasi (Garrett, 2006; Robyne, 2006). Salah satu pendekatan yang digunakan untuk membina kecekapan berbahasa (Ramli Yahya, 2009) dan kaedah komunikasi universal yang sangat berpengaruh kepada jiwa manusia (Bimo, 2009). Ini dibuktikan dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh Chew, Mahzan Arshad, Zahari Ishak, Loh, dan Teh (2008), Curenton, Craig, dan Flanigan (2008), Floyd dan Cooper (2008), Snider (2008), serta Miley (2009) yang telah membuktikan kepentingan naratif dalam

pengajaran dan pendidikan. Namun, kajian-kajian yang dijalankan ini lebih memberi fokus kepada pendidikan di peringkat sekolah rendah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati naratif atau bercerita ini banyak kepentingannya. Namun, ia hanya digunakan di peringkat sekolah rendah sahaja. Keadaan ini telah menimbulkan minat untuk menghasilkan kertas kerja ini. Oleh itu, satu kajian kes telah dijalankan untuk mengenal pasti perspektif umum guru-guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian naratif atau bercerita di peringkat sekolah menengah.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Untuk memahami permasalahan ini, satu kajian kes telah dijalankan. Rasional kajian jenis ini digunakan adalah sifat kajian kes yang dapat membantu penyelidik untuk memahami sesuatu isu atau objek yang kompleks secara terperinci dengan hanya menggunakan sampel yang kecil (Noraini Idris, 2010; Mohd. Majid Konting, 2005). Oleh itu kaedah temu bual telah digunakan kerana sifat temu bual yang membolehkan responden memaparkan maklumat peribadi secara terperinci (Creswell, 2005) dan memberi maklumat berkaitan fakta, kepercayaan, kehendak dan sebagainya (Mohd. Majid Konting). Untuk tujuan kajian ini kaedah temu bual semi-struktur secara bersemuka telah digunakan. Temu bual jenis ini dipilih kerana walaupun telah tersedia soalan-soalan yang akan dtanyakan namun, soalan secara spontan masih boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci (Keegan, 2009). Pengkaji telah menetapkan temu janji berasingan mengikut kelapangan masa kedua-dua responden kajian. Pengkaji juga telah menerangkan tujuan kajian dan menjalinkan hubungan yang mesra dengan responden agar selesa dengan sesi temu bual ini. Selain itu, penerangan mengenai kerahsiaan maklumat yang didedahkan juga dimaklumkan agar responden bersedia memberikan maklumat.

Responden kajian terdiri daripada dua orang guru, iaitu guru yang mengajar dalam lingkungan lima tahun ke bawah dan selama 12 tahun di sekolah menengah kebangsaan. Guru yang berpengalaman mengajar lima tahun dilabelkan (G1) manakala, guru yang berpengalaman 12 tahun dilabelkan (G2) untuk memudahkan penghuraian dapatan kajian. Kedua-dua guru ini opsyen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan temu bual ini telah dianalisis secara manual, iaitu dengan menaip transkrip hasil temu bual yang telah dirakamkan. Setiap perkataan yang diucapkan oleh responden kajian akan didengar dan ditaip kembali secara verbatim dengan langkau sebaris. Untuk memastikan tidak berlaku sebarang kecuaiian sama ada tertinggal sebarang fakta atau penambahan maklumat, proses ini akan diulang beberapa kali. Setiap data yang siap ditranskrip dicetak pada kertas A4 dan pembentukan tema dijalankan.

Perbincangan dapatan kajian dalam kertas kerja ini dipecahkan berdasarkan tema-tema yang telah dibentuk, iaitu perspektif umum guru berkaitan kepentingan naratif atau cerita ini, kefahaman mereka terhadap naratif, sejauh mana naratif ini sesuai untuk pendidikan peringkat menengah, kekangan-kekangan yang menghalang naratif diaplikasikan, cara naratif dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran, keperluan latihan untuk meningkatkan kemahiran naratif dalam kalangan guru, dan peratusan guru mengaplikasikan naratif dalam seminggu.

#### 3.1 Perspektif Umum Kepentingan Naratif

Secara umumnya didapati kedua-dua guru ini mengakui kepentingan naratif dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Antaranya naratif penting sebagai media interaksi. Melalui naratif atau bercerita ini dapat menggalakkan murid bercakap dengan bertanyakan isi pengajaran yang diajarkan pada hari tersebut. Namun, menurut guru interaksi ini perlu melibatkan kedua-dua pihak iaitu, guru dan murid berkomunikasi agar interaksi yang dihasilkan berkesan.

*Ikutkan betul memang la teknik bercerita tu penting! Budak dia nak belajar pun kena bertutur, kena bercakap, menjadi cikgu sebenarnya kena banyak bercerita kepada pelajar tapi tak semestinya cikgu banyak bertutur tu pelajar diam je, maksudnya dua-dua la ...* (G1: 2)

*... rasanya paling kurang pun kena guna teknik bercerita sebab masa tu budak-budak nak berinteraksi dengan kita. Kalau kita nak berinteraksi dengan budak, bercerita la yang paling berkesan, bila kita bercerita budak tu boleh tanya kita balik, bila kita bercerita kita boleh soal dia balik.* (G2: 8)

Naratif mewujudkan perbincangan sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Perbincangan terhasil apabila guru memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran pada hari

tersebut dengan sesi soal jawab. Murid-murid seterusnya akan bersedia memberi pendapat masing-masing. Malah, guru berpengalaman menambah, melalui naratif murid-murid bersedia untuk bercakap atau mengeluarkan pendapat masing-masing kerana sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa ketika itu tidak dalam situasi formal, kerana lebih kepada perbincangan bersama.

*Memang banyak guna! Kalau takde teknik bercerita tu mungkin pelajar tak boleh bertanya, tak boleh beri pendapat, tak boleh nak tahu mana jawapan betul mana jawapan salah, perbincangan tu sebenarnya melalui teknik berkomunikasi, bercakap ...* (G1: 5)

*Bila kita tanya dalam bercerita tu secara tidak langsung dia berani nak bercakap dengan kita. Kalau kita soal tu formal sangat dia takut nak cakap. Kalau macam kita bercerita kita soal dia, dia pun berani la sebab macam tak formal kan, jadi kita boleh soal jawab dengan dia.* (G2: 8, 9)

Naratif dapat mengembangkan daya imaginasi murid-murid. Hal ini kerana melalui bercerita murid-murid dapat menggunakan daya imaginasi mereka untuk menggambarkan sesuatu perkara yang tidak pernah dialami atau diketahui mereka. Ini terangkan oleh responden yang berpengalaman mengajar selama lima tahun. Namun, sesuatu yang abstrak ini perlu hadir bersama-sama bahan bantu yang sesuai, misalnya gambar bagi menambahkan kefahaman murid-murid terhadap sesuatu perkara yang tidak dialami mereka sebelumnya.

*... contoh kita bagi la masa mengajar sajak 'Anak Laut' kata kan lah ikan, ketam, udang, berkaitan dengan nelayan. Jadi pelajar tu macam dia tak boleh nak bayangkan macam mana kesusahan nelayan di laut, jadi sambil bercerita tu sambil bercakap tu kena ada la gambar nelayan di laut, dan katakan la apa ... nelayan bersimpati dengan kaki udang, kaki udang yang tersangkut di jaring jala, pada hal pelajar tu dia tak tahu pun macam mana sifatnya udang tu tersangkut kat jala sebab tak pernah tengok, jadi kita kena tengok imaginasi mereka sambil kita bercerita tu kita tengok, kena ada gambar jadi baru la dia akan faham ...* (G1:7)

Naratif sebagai alat menerangkan dan media yang mengukur kefahaman murid-murid. Apa yang dikatakan sebagai alat menerangkan di sini ialah, melalui naratif guru dapat menerangkan sesuatu konsep atau perkara. Manakala, sebagai media mengukur kefahaman pula apabila murid-murid dapat berinteraksi semasa sesi soal jawab, iaitu dapat mengemukakan pandangan masing-masing.

*Teknik bercerita tu perlu kepada pelajar sebab nak menerangkan supaya dia faham. Kalau kita tak bercerita macam mana kita nak tahu dia faham ke tak faham. Lepas tu kalau kita tak terangkan kepada pelajar, pelajar pulak akan tanya kita. Jadi teknik ni penting la, katakan la kita dah bagi gambar kat depan, kita terangkan kat dia, tapi dia masih lagi bertanya. Teknik bercerita tu ada jelah, masuk kelas tu mesti bercerita.* (G1:13)

Manakala, responden berpengalaman mengajar 12 tahun pula menyatakan bahawa naratif atau cerita ini bukan sahaja dapat menambahkan ilmu kepada murid-murid malah, dapat juga menerapkan nilai-nilai moral. Biasanya cerita yang akan dipilih di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mempunyai nilai moral atau nilai-nilai murni yang secara tidak langsung dapat diterapkan kepada murid-murid sama ada sebagai rumusan atau pengajaran.

*Mungkin benda tu tak 100% berkenaan petikan tapi kita ambil sikit moral dalam petikan tu kita cerita dekat pelajar. Jadi dia boleh tambah ilmu dia, dia boleh masuk sekali dalam petikan dia baca, dia boleh tambah ilmu dia sendiri.* (G2:2)

Elemen naratif atau cerita ini juga disukai oleh murid-murid. Hal ini kerana bercerita mempunyai ciri-ciri kedekatan dan sentiasa wujud dalam masyarakat. Sama ada disedari ataupun tidak naratif atau bercerita ini merupakan elemen yang digunakan untuk berinteraksi dalam aktiviti seharian.

*Memang budak-budak minat bercerita. Naluri budak mungkin minat cerita.* (G2:5)

Naratif dapat menarik perhatian murid-murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Namun, elemen ini banyak bergantung kepada sejauh mana guru dapat mengaplikasikan teknik ini di dalam bilik darjah, iaitu dari aspek pemilihan cerita yang sesuai, intonasi guru semasa bercerita, sesi soal jawab dan perbincangan yang dapat mencungkil minat murid serta tidak hambar dan sebagainya.

*Kelebihan dia, satu dia dapat menarik budak, melalui pendengaran dia boleh tahu fakta-fakta.* (G2:6)

### **3.2 Kefahaman Guru Terhadap Elemen Naratif**

Umumnya, didapati kedua-dua guru Bahasa Melayu yang menjadi responden kajian ini memahami konsep asas bercerita. Mereka mengaitkan bercerita atau naratif ini dengan proses interaksi secara lisan yang melibatkan komunikasi dua hala, iaitu antara guru dengan murid.

*... tak semestinya cikgu banyak bertutur tu pelajar diam je, maksudnya dua-dua la ... dua hala, guru bercakap pelajar pun bercakap, maksudnya benda ni bukan sahaja bercerita tentang cerita sahaja, maksudnya berkomunikasi dua hala. (G1:2)*

*... bercerita ni lisan, berinteraksi dengan budak. (G2:8)*

Namun, guru berpengalaman mengajar selama lima tahun atau yang dilabelkan sebagai G1 ini juga menyamakan bercerita itu dengan perbincangan dan berpidato. Beliau juga mengakui bercerita ini luas bidangnya, iaitu dengan mengaitkan proses menerangkan sebagai bercerita juga.

*... jadi teknik bercerita tu la sebenarnya perbincangan tu. (G1: 5)*

*Sebenarnya teknik bercerita tu nak kira betul la teknik berpidato, teknik berpidato tu sebenarnya ... macam mana ye, cikgu ni sebenarnya kalau dari segi pengalaman dia semakin lama dia mengajar semakin confident semakin berani, berkeyakinan, pada awal-awal dulu dia macam nak bertutur dengan pelajar pun dia menjadi masalah, pelajar bertanya pun susah juga nak menjawab, jadi benda tu dia pengalaman, jadi pengalaman tu membentuk guru menjadi lebih efisien, lebih berani, lebih berkeyakinan. (G1: 8)*

*Bercerita sebenarnya luas cangkup dia, maksudnya tak semestinya bercerita tentang cerita, nak menerangkan sesuatu tu sebenarnya bercerita juga ... bercerita itu sebenarnya penerangan. (G1: 15)*

### **3.3 Kesesuaian Naratif**

Walaupun guru mengakui naratif ini sesuai digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah, tetapi ia perlu disesuaikan mengikut aras serta komponen tertentu sahaja. Bercerita dikatakan sesuai untuk murid-murid kelas atas atau pandai kerana mereka lebih dapat memberi tumpuan. Manakala, bagi murid-murid kelas bawah dikatakan kurang sesuai kerana murid-murid mudah hilang fokus apabila bercerita digunakan.

### 3.3.1 Ikut Aras Murid

*... kalau kelas pandai bagus la teknik bercerita ni.* (G1:4)

*Sebenarnya kalau dia bercerita dengan pelajar dia akan tengok kebolehan pelajar tu, maksudnya kalau pelajar tu pandai, cara berceritanya lain, kalau pelajar tu kurang pandai, kelas-kelas akhir tu cara berceritanya lain, jadi tahap-tahap cara berkomunikasi tu berbeza, pendekatannya berbeza. Kelas pandai tak semestinya perlukan contoh yang remeh-temeh tapi kelas-kelas yang tak pandai ni kena bagi benda tu orang kata secara terperinci.* (G1:9)

*Rasanya semua teknik bercerita sesuai, cuma tengok aras pelajar tu. Rasanya kalau pelajar tu dia pelajar yang baik, bila kita bercerita dia boleh terima. Kalau pelajar yang bawah ni dia tak boleh fokus, kalau kita bercerita lama sikit dia dah hilang tumpuan dia tak boleh dengar. Kalau kelas atas tu bila kita bercerita dia boleh serap dalam kepala dia, boleh dengar. Kelas atas pun takde masalah guna teknik bercerita pun. Tapi tengok kelas la ...* (G2: 1, 2)

### 3.3.2 Ikut Komponen dan Mata Pelajaran

Bercerita juga hanya sesuai untuk komponen atau mata pelajaran tertentu sahaja. Berdasarkan perspektif guru yang berpengalaman mengajar selama 12 tahun, naratif hanya sesuai untuk mengajarkan kemahiran mengarang, komponen KOMSAS serta mata pelajaran Sejarah sahaja. Manakala, bagi guru berpengalaman mengajar selama lima tahun, kesesuaian naratif lebih luas, iaitu merangkumi bahagian yang memerlukan penerangan serta penjelasan lanjut oleh guru.

*Ha, untuk karangan, novel, cerpen boleh la! Macam tatabahasa tu tak perlu sangat bercerita, maksudnya benda tu banyak latihan menulis. Tapi daripada tulisan dia tu bincang kena juga, baca, tu sebenarnya bercerita jugak.* (G1:10)

*Sebenarnya mengajar Geografi pun banyak penerangan jugak, tak semestinya baca buku teks semata-mata. Jadi benda tu semua cikgu la kena, cikgu Sejarah lagi la penting, lagi la perlu untuk menerangkan cerita dia walaupun dia berbentuk fakta tapi masih lagi dalam bercerita. Lepas tu Sains, nak menerangkan macam tumbuhan kacang tu nak semai dia menjadi tauge jadi dia memerlukan proses apa, katakan la letak dalam bekas yang bertutup lepas tu dia kena ada lubang bagi cahaya matahari masuk sikit, jadi sebenarnya bercerita tu penting tak semestinya orang kata benda tu ada dalam buku tak perlu bercerita.* (G1: 13, 14)

*Emm ... biasanya karangan la. Karangan ke, KOMSAS pun boleh.* (G2:2)



*Untuk Sejarah boleh, untuk subjek lain kak Nik tak tahu la sebab kak Nik tak mengajar .* (G2:8)

### **3.4 Kekangan Mengaplikasikan Naratif**

Terdapat beberapa kekangan atau halangan yang menyebabkan guru-guru ini sukar untuk mengaplikasikan naratif di dalam bilik darjah. Antara kekangan yang dikenal pasti melalui temu bual ini ialah:

#### **3.4.1 Perlu Menghabiskan Sukatan Pelajaran**

Keperluan menghabiskan sukatan pelajaran menghalang guru-guru Bahasa Melayu ini mengaplikasikan naratif secara kerap di dalam bilik darjah. Hal ini kerana pendidikan sedia ada lebih berfokus kepada menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan. Ini mendorong guru tergesa-gesa menghabiskan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan dan masa yang selebihnya dengan menyediakan murid-murid untuk menghadapi peperiksaan, iaitu dengan memberi latihan yang menjurus kepada peperiksaan.

*Tapi tak semua guru macam tu, macam contohnya di sekolah ni mementingkan peperiksaan, macam masuk dalam kelas dia lebih banyak fokus kepada silibus.* (G1:3)

*Teknik bercerita ni kita seronok guna teknik tu kalau pelajar boleh terima cara kita tapi sebab tak menggalakkan kita tu mungkin masa, kita nak kejar silibus. Kadang-kadang tu kalau kita bercerita dah silibus tak boleh habis, dah alat bantuan pun tak banyak kita nak guna. Bahasa Melayu kalau satu masa kita nak ajar teknik bercerita, kalau lisan mungkin boleh la, kalau kita nak guna alat LCT, komputer ke mungkin masa tu tak cukup masa.* (G2:5)

#### **3.4.2 Tidak Sesuai untuk Murid Lemah dan Murid Bukan Melayu**

Guru juga berpendapat naratif sukar dilaksanakan kepada murid-murid kelas lemah serta murid bukan Melayu. Masalah penggunaan bahasa dan dipengaruhi bahasa ibunda menyukarkan naratif dilaksanakan. Hal ini kerana murid-murid didapati sukar untuk memahami naratif yang disampaikan oleh guru.

*... kelas 4G, semuanya India, jadi tanya tu boleh la jugak tapi bahasa tu orang kata ... bahasa Melayu tu tukar jadi bahasa India ... bahasa Tamil dah! Sebab dia tu susah untuk bercerita dalam bahasa Melayu.* (G1:4)

*Dia tengok sekolah juga rasanya, dia tengok sekolah gred kalau pelajar tu baik boleh la guna teknik bercerita tapi kalau pelajar tu lemah. Macam sekolah Kak Nik ke sekolah dia ramai Cina, kita bercerita pun dia tak faham.* (G2:1)

*... lagi satu masalah bahasa, ada pelajar yang tak mahir bahasa Melayu, bila kita bercerita pun tak sampai benda tu kat dia. Dia tak boleh terima. Kalau pelajar Melayu, contoh Kak Nik pernah buat kat pelajar Melayu tingkatan 3, kalau kita baik sikit, bercerita tu dia suka la, dengar cerita, lepas tu bila kita cerita tu dia sambung. Dia buat cerita masing-masing. Yang ni buat cerita gini yang ni gini daripada cerita asal kita.* (G2:2)

### 3.4.3 Bergantung Kepada Kesesuaian Situasi dan Respons Murid

Menurut guru yang berpengalaman mengajar selama 12 tahun, naratif hanya diaplikasikan oleh beliau apabila mendapat tindak balas yang baik daripada murid-murid. Sekiranya murid-murid didapati berminat terhadap cerita yang disampaikan, beliau akan meneruskan aktiviti naratif dan sebaliknya. Selain itu, beliau juga mengaplikasikan naratif ini pada sebelah pagi sahaja kerana pada ketika itu murid-murid bersedia dan guru juga masih bertenaga untuk bercerita.

*Tengok keadaan. Kalau kelas yang ni saya suka bercerita, saya kalau pagi-pagi fresh lagi suka la bercerita, biasanya kalau dah tengah hari tu letih biasanya takde dah teknik bercerita, teknik salin je masa tu. Kalau pagi-pagi tu tengok respons pelajar, kalau pelajar ... kalau kita cerita ni respons dia macam berminat tu kita sambung lagi bercerita, pagi ni ok la, semangat lagi, cikgu pun suara kuat lagi.* (G2:3)

### 3.4.4 Pengalaman Guru

Pengalaman yang ada pada seseorang guru juga mempengaruhi pengaplikasian naratif di dalam bilik darjah. Hal ini kerana menurut guru berpengalaman mengajar selama 12 tahun ini, guru yang berpengalaman lebih banyak mengaplikasikan naratif berbanding guru-guru yang baru mengajar.

*Ha, tu la! Kak Nik pun cikgu lama ni dia banyak cerita sebab bila dia baca teks tu, dia cerita berkenaan teks tapi dia boleh kaitkan, tambah sikit. Macam cikgu baru ni dia cerita yang tu je tak masukkan sangat berkenaan pengalaman sendiri ke. Selalu cikgu baru dia guna teknik yang dia dah belajar kat maktab, sikit je dia guna teknik bercerita. Kebanyakannya kalau tengok kat sekolah ni, cikgu lama bercerita.* (G2:6)

### **3.4.5 Latar Belakang Murid**

Seterusnya, faktor latar belakang murid. Untuk mengaplikasikan naratif guru terlebih dahulu perlu mengetahui latar belakang murid-murid agar naratif yang disampaikan dapat diterima dan menarik minat mereka. Ini kerana sekiranya naratif itu berkaitan serta dekat dengan murid-murid, ia bukan sahaja mudah difahami malah, murid-murid dapat mengemukakan pendapat masing-masing ketika sesi perbincangan dijalankan.

*Ha, dia kena kenal dulu latar belakang budak baru boleh cerita! Kalau kita tak kenal latar belakang budak, kita cerita suka hati je, budak tak dengar. Sebab kita tak tahu latar belakang dia macam mana. Kalau kita tahu latar belakang dia, bila kita cerita kita selitkan sikit dengan latar belakang dia, dia suka la budak-budak. Jadi cikgu baru kalau dia nak teknik bercerita, dia kena kenal dulu la budak-budak.*  
(G2:6)

Berdasarkan temu bual ringkas ini, didapati responden kajian mengakui kepentingan naratif, mempunyai kefahaman yang pelbagai, serta menyedari kekangan-kekangan untuk mengaplikasikan naratif. Namun, cara guru-guru ini mengaplikasikan naratif adalah berbeza. Misalnya, jika mengikut pendapat guru berpengalaman mengajar selama lima tahun, naratif perlu hadir dengan bahan bantu yang sesuai seperti gambar agar gambaran murid lebih jelas. Manakala, guru yang berpengalaman 12 tahun mengaplikasikan naratif secara lisan sahaja.

Walaupun masing-masing mempunyai pengalaman mengajar yang cukup lama, namun, guru-guru yang menjadi responden kajian ini juga didapati berminat untuk menghadiri kursus berkaitan yang dapat meningkatkan kemahiran naratif mereka. Apa yang pasti kursus berkaitan naratif semata-mata tidak disediakan kepada guru-guru ini, sebaliknya hanya berdasarkan pengalaman dan latihan yang diterima semasa menuntut di maktab ataupun di institusi pengajian tinggi semata-mata.

## **4.0 PENUTUP**

Kesimpulannya, naratif atau bercerita ini masih sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana bercerita dapat mewujudkan hubungan dan interaksi. Semasa bercerita, aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak formal, membuatkan murid-murid berasa selesa untuk bersoal-jawab dengan guru dan melakukan perbincangan. Namun, penggunaan teknik ini di dalam kelas memerlukan guru

mewujudkan hubungan terlebih dahulu serta menyesuaikan dengan kepelbagaian aras murid-murid.

Oleh itu, guru perlu mempunyai kemahiran untuk bercerita dan cara untuk menarik minat murid-murid terhadap cerita agar matlamat pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut tercapai. Namun, apa yang diperhatikan, kurangnya kursus-kursus berkaitan teknik bercerita dijalankan. Guru-guru didapati tidak mendapat latihan secara berterusan dan selanjutnya setelah menamatkan pengajian mereka. Mungkin pihak-pihak tertentu boleh menyediakan satu kursus khas bercerita yang merangkumi cara untuk menghasilkan bahan-bahan bantu mengajar. Ini memudahkan guru menyediakan bahan bantu sendiri, sesuai dengan kebolehan dan aras murid-murid mereka.

Rumusannya, kajian lebih lanjut dan menyeluruh perlu dilaksanakan untuk mengetahui pengaplikasian naratif atau bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. Selain itu, maklumat penggunaan teknik bercerita juga perlu dilihat daripada perspektif murid-murid bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

## **RUJUKAN**

- Ari Prabowa. (2008). *Teknik Bercerita*. Diakses dari <http://omahku.com/?l=en&id=13> pada 20 Disember 2008.
- Awang Sariyan. (2009). *Memenuhi Impian Pendidikan Bahasa Melayu yang Berkesan*. Diakses dari <http://www.prihatin.net/ole-ole-dari-beijing/268-memenuhi-impian-pendidikan-bahasa-melayu-yang-berkesan-bahagian-pertama.html> pada 20 Disember 2008.
- Bimo. (2009). *Teknik Bercerita Untuk Anak Usia Dini*. Diakses dari <http://kakbimo.wordpress.com/2009/07/21/teknik-bercerita-untuk-anak-usia-dini/> pada Januari 2008.
- Cherry-Cruz, T. (2001). Tell Me a Story. *The ASHA leader*. December 26 : 4 - 18.
- Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak, Loh Sau Cheong, & Teh Yiang Wah. (2008). Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-Kanak : *Isu dan Masalah*. *Masalah Pendidikan*. 31(1): 77 - 89.
- Cooper, P.M., Capo, K., Mathes, B., & Gray, L. (2007). One Authentic Early Literacy Practice and Three Standardized Test: Can a Storytelling Curriculum Measure Up? *Journal of Early Childhood Teacher Education*. 28:251-27.

- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* 2<sup>nd</sup> Edition. *Upper Saddle River*, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Dedi Firmansyah AR. (2007). *Bercerita Melegitkan Kecerdasan Imajinatif Anak*. Diakses dari <http://www.mediaindonesia.com/resensi/details.asp?id=550> pada 6 Mac 2008.
- Duff, P.A. (2002) (edited). *Narrative Inquiry: More Than Just Telling Stories* by Bell, J.S. *Tesol Quarterly*, 36(2): 207-218.
- Floribertus Supriya. (2010). *Naratif Eksperiensial Alternatif Internalisasi Nilai*. Diakses dari <http://www.bruderfic.or.id/h-252/naratif-eksperiensial-alternatif-internalisasi-nilai.html> pada 6 Mac 2008.
- Floyd, C., & Cooper, P. (2008). *A Storytelling Curriculum : 400 Classrooms and Us 22 Years Later. The Power of Stories*. May/June.
- Garrett, R. (2006). *Critical Storytelling as a Teaching Strategy in Physical Education Teacher Education*. *European Physical Education Review*, 339 (12) : 339 - 360.
- Hawkey, K. (2007). *Could you just tell us the story? Pedagogical Approaches to Introducing Narrative in History Classes*. *Curriculum Inquiry*, 37(3): 263 - 277.
- Juriah Long. (2008). *Pendidikan Bahasa Melayu Antara Hasrat Dengan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keegan, G. (2009). *The Interview Methods*. Diakses dari <http://www.gerardkeegan.co.uk/resource/interviewmeth1.htm> pada 27 Disember 2008.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhyiddin Haji Mahamad Yassin. (2009). *Pedoman Bahasa (JPEG) 070*. Minda Tokoh Timbalan Perdana Menteri. Diakses dari <http://mohdisa-abdrzak.blogspot.com/2009/11/peranan-bahasa-malaysia-sebagai-bahasa.html> pada 6 Mac 2008.
- Purmonomedia. (2008). *Pendekatan Naratif*. Diakses dari <http://purwonomedia.wordpress.com/2008/10/24/pendekatan-naratif/> pada 20 Disember 2008.
- Ramli Yahya. (2009). *Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Cadangan*. Diakses dari <http://www.ramlibinyahya.blogspot.com/2009/04/kaedah-dan-teknik-p-bahasa-melayu-satu.html> pada 6 Mac 2008.
- Reza A.A. Wattimena. (2009). *Metode Naratif Dalam Ilmu-Ilmu Sosial*. Diakses dari <http://rumahfilsafat.com/2009/11/28/metode-penelitian-naratif/> pada 20 Disember 2008.

Robyne, G., (2006). Critical storytelling as a Teaching Strategy In Physical Education Teacher Education. *European Physical Education Review*, 12 (3):339-360.